


- 1 Soalan berikut berkaitan dengan wilayah pengaruh dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah X?

- A Wilayah naungan  
B Wilayah taklukan  
C Wilayah kedaulatan  
D Wilayah persekutuan
- 2 Dalam Hukum Kanun Melaka, urusan kekeluargaan sangat diberi perhatian. Apakah matlamat undang-undang kekeluargaan ini?
- A Memastikan ketua keluarga memainkan peranannya  
B Memastikan adat-adat pernikahan dipatuhi  
C Memastikan keharmonian dalam keluarga  
D Mengelakkan masalah keruntuhan akhlak
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan nasionalisme di Barat.

- 
- ```
graph LR; Box[• Revolusi Keagungan (1688)  
• Revolusi Amerika (1776)  
• Revolusi Perancis (1789)]
```

Apakah kesan daripada peristiwa di atas terhadap negara kita?

- A Kesedaran memperjuangkan kedaulatan negara  
B Kemunculan kerajaan pusat dan kerajaan negeri  
C Kebangkitan rakyat menentang raja berkuasa mutlak  
D Kemunculan rusuhan jalanan untuk menumbangkan kerajaan

- 4 Novel berikut merupakan hasil penulisan kreatif Pak Sako atau Ishak Haji Muhammad.



Bagaimanakah Pak Sako memberikan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu?

- I Meningkatkan ilmu pengetahuan
  - II Menyentuh sindiran kepada penjajah
  - III Mengingatkan kepentingan kebebasan
  - IV Menyeru rakyat kembali kepada Islam
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 5 Perang Dunia Kedua berlaku pada tahun 1939 hingga 1945.  
Apakah faktor yang menyebabkan tercetusnya perang tersebut?
- A Krisis rantau Balkan
- B Persidangan Damai Paris
- C Kemunculan pakatan tentera
- D Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa

- 6 Kekejaman tentera Jepun dan kesengsaraan hidup semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah mencetuskan penentangan penduduk.  
Apakah cara penentangan tersebut?
- A Menubuhkan Rejimen Askar Melayu  
B Menubuhkan Tentera Semut  
C Melancarkan Perang Saraf  
D Mengadakan demonstrasi

- 7 Soalan berikut berkaitan dengan ciri-ciri Perlombagaan Malayan Union.

Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja yang hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.

- Apakah implikasi terhadap institusi beraja sekiranya Malayan Union berjaya dilaksanakan?
- A Kedudukan raja diiktiraf Malayan Union  
B Kedaulatan institusi beraja akan terhapus  
C Kepimpinan pemimpin tempatan tergugat  
D Keistimewaan orang-orang Melayu hilang
- 8 Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada 1 Julai 1946.  
Mengapa penyerahan ini berlaku?
- I Masalah kewangan  
II Masalah pewarisan takhta  
III Mengukuhkan pertahanan  
IV Mengalakkan pelaburan luar
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

9 Berikut merupakan ciri-ciri Majlis Perundangan Persekutuan di Tanah Melayu.

- Diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British
- Ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum
- Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu

Apakah bidang kuasa majlis tersebut?

- A Kewarganegaraan
- B Keselamatan
- C Kehakiman
- D Kewangan

10 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mewujudkan sebuah negara bangsa yang kukuh.

Apakah iktibar yang boleh diambil dari penubuhan ini?

- A Taat setia kepada pemerintah
- B Sanggup berkorban demi negara
- C Hormat menghormati antara kaum
- D Kerjasama antara rakyat dengan pemimpin

11 Petikan berikut adalah berkaitan dengan perisytiharan darurat di Tanah Melayu.

Tindakan komunis melancarkan serangan bersenjata di Tanah Melayu telah menyebabkan kerajaan British mengistiharkan darurat.

Dalam situasi bagaimanakah sesebuah kerajaan itu boleh mengistiharkan darurat?

- A Serangan tentera siber
- B Berlaku pertukaran kerajaan
- C Ancaman kepada keselamatan negara
- D Provokasi terhadap pemerintahan negara

12 Gambar berikut adalah berkaitan dengan Auxiliary Police (AP).



Apakah tugas mereka dalam usaha kerajaan memerangi ancaman komunis?

- A Memusnahkan kubu operasi komunis
  - B Mempertahankan bandar dan kampung
  - C Mengesan tempat persembunyian komunis
  - D Membuat penyusupan dalam organisasi PKM
- 13 Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu di Tanah Melayu?
- I Tanah Melayu satu-satunya tanah air mereka
  - II Taat setia orang Melayu yang tidak berbelah bahagi
  - III Memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Tanah Melayu
  - IV Menyekat penglibatan orang Melayu dalam bidang ekonomi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 14 Sistem Ahli diperkenalkan selaras dengan dasar dekolonisasai British di Tanah Melayu. Siapakah yang bertanggungjawab melantik anggota Sistem Ahli?
- A Gabenor Jeneral
  - B Yang di-Pertuan Agong
  - C Setiausaha Tanah Jajahan
  - D Pesuruhjaya Tinggi British


- 15 Encik Salleh adalah warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang berminat untuk bertanding dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.  
Apakah syarat yang perlu beliau patuhi?
- A Berumur tidak lebih daripada 21 tahun  
B Wajib mendaftar sebagai ahli sesebuah parti  
C Tinggal di Tanah Melayu dalam tempoh 6 bulan terdahulu  
D Berpengetahuan dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
- 16 Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) berperanan menggubal undang-undang pentadbiran pada peringkat Persekutuan Tanah Melayu.  
Apakah institusi yang memainkan peranan yang sama seperti MPP pada hari ini?
- A Istana  
B Parlimen  
C Mahkamah  
D Kementerian
- 17 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.  
Apakah tugas suruhanjaya tersebut?
- A Merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu  
B Mengemukakan memorandum kepada raja-raja Melayu  
C Memberi kuasa mutlak kepada penduduk untuk mentadbir  
D Meninjau pendapat penduduk tentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

- 18 Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen merupakan antara intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Antara berikut yang manakah memberi gambaran jelas tentang Yang di-Pertuan Agong?

- I Tidak boleh dibicara di mana-mana mahkamah
  - II Kuasa mengatasi Perlembagaan Persekutuan
  - III Ketua agama Islam di semua negeri Melayu
  - IV Dipilih oleh Majlis Raja-Raja setiap lima tahun sekali
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 19 Gambar berikut merupakan lambang-lambang negara yang dibentuk sebelum pengisytiharan kemerdekaan negara.



Apakah kepentingan lambang-lambang tersebut?

- A Simbol kegigihan
- B Simbol keagungan
- C Simbol kegemilangan
- D Simbol identiti negara

20 Berikut adalah peranan penting negara pada peringkat antarabangsa selepas mencapai kemerdekaan.

- Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- Sertai misi pengaman PBB ke Congo.

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berkaitan penglibatan ini?

- A Menjamin keamanan dan kestabilan politik
- B Mempunyai pemimpin yang berwibawa
- C Menerima pengiktirafan antarabangsa
- D Memiliki tentera yang berdisiplin

21 Maklumat berikut merupakan takrif perkataan kedaulatan dalam bahasa Arab.

*Daulah*

Apakah maksud perkataan tersebut?

- A Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
- B Kebebasan dan kemerdekaan negara
- C Kuasa penuh terhadap pemerintahan
- D Kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan

22 Perpaduan kaum penting dalam usaha kita mengekalkan kedaulatan negara.

Manakah antara berikut merupakan peranan rakyat untuk mengekalkan perpaduan kaum?

- I Menyanjungi dan menghargai adat dan warisan negara
  - II Menganggotai pasukan keselamatan dan sukarelawan
  - III Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan
  - IV Menghormati agama dan budaya pelbagai kaum
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

23 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sistem demokrasi di Malaysia. Apakah yang menjadi asas kepada amalan demokrasi tersebut?

- A Pilihan raya umum 1963
- B Pilihan raya umum 1958
- C Pilihan raya umum 1957
- D Pilihan raya umum 1955

24 Berikut merupakan pindaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- Pindaan Perlembagaan 1963
- Pindaan Perlembagaan 1965

Mengapakah pindaan tersebut dilaksanakan?

- A Menyesuaikannya dengan keperluan semasa
- B Mengikut permintaan parti-parti politik
- C Mengkekalkan keluhuran perlembagaan
- D Melengkapi antara satu sama lain

25 Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk menggantikan Malayan Union.

Apakah hak dan kuasa Majlis Raja-Raja pada masa itu?

- A Membincangkan undang-undang berkaitan agama Islam
- B Membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan
- C Mendapatkan penerangan tentang dasar Kerajaan Persekutuan
- D Menasihati Pesuruhjaya Tinggi British

- 26** Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi.

Apakah bukti negara kita mengamalkan kebebasan asasi dalam beragama?

- I Menganjurkan aktiviti agama secara tertutup
  - II Membenarkan sikap diskriminasi terhadap agama lain
  - III Menjadikan agama Islam sebagai agama Persekutuan
  - IV Mengizinkan penganut agama lain mengamalkan agama masing-masing
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

- 27** Maklumat berikut berkaitan dengan kuasa kerajaan negeri bagi Sarawak dan Sabah.

- Senarai Negeri
- Senarai Bersama
- Peruntukan Tambahan

Mengapakah peruntukan tambahan diberikan kepada negeri tersebut?

- A** Mengelakkan penggubalan undang-undang baharu
- B** Menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Malaysia
- C** Memudahkan pengurusan kawasan tempatan di Sabah dan Sarawak
- D** Membentuk kerajaan tempatan peringkat ketiga di negeri berkenaan

- 28** Sistem Persekutuan yang diamalkan di Malaysia telah menjamin kedaulatan dan kestabilan negara ini.

Apakah kekuatan perlaksanaan sistem tersebut?

- A** Mengukuhkan jati diri rakyat
- B** Mewujudkan kerjasama erat
- C** Mengeratkan perpaduan kaum
- D** Menambahkan kekayaan hasil bumi

- 29** Jadual di bawah adalah mengenai siri lawatan ke Sarawak dan Sabah untuk merealisasikan pembentukan Malaysia.

| Tarikh           | Siri Lawatan             | Tokoh Terlibat                              |
|------------------|--------------------------|---------------------------------------------|
| Julai 1961       | Sarawak dan Brunei       | Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj             |
| Ogos 1962        | Persekutuan Tanah Melayu | Pemimpin Sarawak Dan Sabah                  |
| November<br>1962 | Sarawak dan Sabah        | Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj             |
|                  | Sarawak dan Sabah        | Dr. Burhanuddin al-Helmi<br>Tun Ghafar Baba |

Apakah kepentingan siri lawatan tersebut?

- A** Kemampuan mengekalkan kuasa
  - B** Kecekapan membangunkan wilayah
  - C** Kesepakatan menyelesaikan masalah
  - D** Kebijaksanaan mendapatkan kemerdekaan
- 30** Pada 30 September 1965, berlaku peralihan kepimpinan di Indonesia.  
Apakah tindakan yang diambil oleh Indonesia kesan daripada perubahan tersebut?
- A** Menamatkan konfrontasi dengan Malaysia
  - B** Mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia
  - C** Melancarkan serangan gerila di Sarawak dan Sabah
  - D** Mendaratkan tenteranya di Labis, Johor
- 31** Apakah persetujuan yang dicapai dalam Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia pada awal Ogos 1965?
- A** Rancangan pemisahan Singapura
  - B** Rancangan pembatalan konsep Melayu Raya
  - C** Rancangan penubuhan Persekutuan Malaysia
  - D** Rancangan menamatkan konfrontasi dengan Indonesia


32 Berikut adalah operasi ketenteraan yang dijalankan di Sarawak

- Operasi Hammer
- Operasi RASCOM
- Operasi Sri Aman

Apakah matlamat operasi tersebut?

- A Mengawal sempadan  
B Membuka tanah hutan  
C Membanteras komunis  
D Mengadakan latihan tentera
- 33 Dasar Pendidikan Kebangsaan dibentuk untuk memupuk perpaduan kaum. Bagaimanakah dasar ini mampu dicapai melalui Laporan Rahman Talib?  
A Menekankan aktiviti kokurikulum  
B Mengadakan kurikulum yang sama  
C Memperkenalkan pelbagai kursus kemahiran  
D Memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan
- 34 Mengapa Rukun Negara diisyiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970?  
A Mewujudkan kaum mengikut identiti  
B Meningkatkan kemajuan ekonomi  
C Memperkuuh perpaduan kaum  
D Melahirkan negara maju

- 35 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) menggunakan beberapa strategi untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.



Apakah strategi DPN dalam bidang ekonomi?

- A Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian
  - B Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif
  - C Menyedia dan menambah baik kemudahan asas
  - D Menggunakan sains dan teknologi moden
- 36 Apakah petunjuk berlakunya peningkatan kualiti hidup rakyat setelah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?
- A Peningkatan kos sara hidup rakyat
  - B Penyediaan infrastruktur untuk rakyat
  - C Pertambahan jumlah kedatangan pelancong
  - D Pembentukan kawasan Zon Perindustrian Bebas
- 37 Peristiwa yang berlaku pada peringkat antarabangsa berikut memberi kesan kepada negara kita.

| Perang Dingin |            |
|---------------|------------|
| Blok Barat    | Blok Timur |


Apakah kesan tersebut?

- A Banyak nyawa terkorban
- B Bermulanya dasar probarat
- C Berlaku perubahan dasar luar
- D Berlaku kemelesetan ekonomi

**38** Apakah peranan organisasi Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR)?

- A** Menyelesaikan jenayah antarabangsa
- B** Melindungi golongan tidak bernegara
- C** Mengawal penyakit berjangkit
- D** Menjamin keamanan dunia

**39** Gambar berikut merupakan logo suatu pertubuhan yang ditubuhkan pada tahun 1971.



Apakah matlamat pertubuhan tersebut?

**A** Memelihara keamanan dunia  
**B** Memupuk kerjasama sosiobudaya  
**C** Meningkatkan taraf hidup negara miskin  
**D** Menjaga kepentingan umat Islam sedunia

**40** Bagaimanakah rakyat Malaysia menyatakan sokongan padu terhadap perjuangan rakyat Palestin?

- I Menyalurkan bantuan kemanusiaan
  - II Mewujudkan tabung sumbangan
  - III Meminta bantuan kuasa dunia
  - IV Menghantar pasukan tentera
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

| No | Jawapan |   |   |   | No | Jawapan |   |   |   |
|----|---------|---|---|---|----|---------|---|---|---|
| 1  | A       | B | C | D | 21 | A       | B | C | D |
| 2  | A       | B | C | D | 22 | A       | B | C | D |
| 3  | A       | B | C | D | 23 | A       | B | C | D |
| 4  | A       | B | C | D | 24 | A       | B | C | D |
| 5  | A       | B | C | D | 25 | A       | B | C | D |
| 6  | A       | B | C | D | 26 | A       | B | C | D |
| 7  | A       | B | C | D | 27 | A       | B | C | D |
| 8  | A       | B | C | D | 28 | A       | B | C | D |
| 9  | A       | B | C | D | 29 | A       | B | C | D |
| 10 | A       | B | C | D | 30 | A       | B | C | D |
| 11 | A       | B | C | D | 31 | A       | B | C | D |
| 12 | A       | B | C | D | 32 | A       | B | C | D |
| 13 | A       | B | C | D | 33 | A       | B | C | D |
| 14 | A       | B | C | D | 34 | A       | B | C | D |
| 15 | A       | B | C | D | 35 | A       | B | C | D |
| 16 | A       | B | C | D | 36 | A       | B | C | D |
| 17 | A       | B | C | D | 37 | A       | B | C | D |
| 18 | A       | B | C | D | 38 | A       | B | C | D |
| 19 | A       | B | C | D | 39 | A       | B | C | D |
| 20 | A       | B | C | D | 40 | A       | B | C | D |

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

Disediakan oleh

.....

Disemak oleh

.....